

NO. SOALAN: 342

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG]

SOALAN NO. 342

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah holistik yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kesihatan mental di kalangan pelajar dan guru di sekolah serta adakah pihak Kementerian mengadakan kerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan bagi mendapatkan perkhidmatan pakar psikatri agar gejala ini dapat diatasi dengan efisien.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar akan kepentingan mengenal pasti tahap stres, kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan murid. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah mengeluarkan Surat Siaran Pelaksanaan dan Pematuhan Dasar-Dasar Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Rendah dan Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2017 menegaskan aspek psikososial dan kesejahteraan mental yang merupakan aspek penting dan perlu diberi perhatian serta fokus utama oleh semua sekolah.

KPM juga menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Program Minda Sihat Menangani Tekanan Emosi (Stres) Dalam Kalangan Murid Di Sekolah. Melalui Program Minda Sihat, 20 peratus daripada murid bagi setiap aliran

NO. SOALAN: 342

(tingkatan) akan menduduki Ujian Saringan DASS (*Depression Anxiety Stress Scales*) sebagai langkah awal pengesanan kesihatan murid berkaitan tahap *anxiety*, kemurungan dan stres. Murid juga diberikan Soal Selidik Kemahiran Gaya Daya Tindak (*coping skills*) untuk intervensi bagi memperkasa murid menangani stress dan cabaran kehidupan sehari-hari dengan berkesan melalui kemahiran daya tindak (*coping skills*).

KPM turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membantu murid yang menghadapi isu kesihatan mental kebimbangan melampau. Sekiranya murid menunjukkan tanda-tanda kemurungan yang teruk atau mengalami tanda-tanda awal penyakit mental atau dikesan melalui saringan awal, maka guru Bimbingan dan Kaunseling akan mencadangkan kepada pentadbir sekolah dan penjaga untuk merujuk murid berkenaan kepada Pakar Psikiatri di hospital atau Klinik Kesihatan KKM. Selain itu, pendekatan Kaunseling Krisis turut dilaksanakan sekiranya murid yang dikenal pasti mengalami kebimbangan melampau disebabkan oleh insiden luar jangkaan panik ketika menghadapi peperiksaan.

Untuk makluman, KPM melalui Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK) telah melaksanakan kajian Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Guru di Malaysia dan hasil kajian tersebut telah dijadikan sumber dalam merancang Pelan Kesejahteraan Psikologi Guru. Program Kesedaran Kesejahteraan Warga Guru (#3A : Aware, Alert, Action) merupakan satu inisiatif dalam pelan tersebut yang akan dilancarkan oleh YB Menteri Pendidikan pada 10 Julai 2019. Program #3A ini akan memberikan fokus kepada kesedaran, kepekaan dan keupayaan bertindak (*coping skill*) para guru dalam menguruskan isu kesejahteraan psikologi.